

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Seiring dengan perjalanan waktu, sejarah telah mencatat beberapa nama dari kalangan ulama yang memiliki sumbangan nyata dalam bidang akidah melalui karya-karya mereka yang sangat bernilai dan bermanfaat. Salah seorang dari ulama tersebut adalah Ibn al-Qayyim. Dalam bidang akidah, beliau telah menuliskan suatu perbahasan yang sangat menarik berkaitan dengan konsep serta permasalahan sekitar qada' dan qadar yang merupakan salah satu dari rukun iman yang enam.

Justeru, memandangkan ketokohan Ibn al-Qayyim dalam pelbagai bidang ilmu serta pentingnya perbahasan qada' dan qadar dalam meningkatkan keimanan umat Islam, maka perlu dikhususkan satu kajian mengenai pemikiran Ibn al-Qayyim berkaitan dengan isu-isu asas dalam qada' dan qadar melalui karya beliau yang bertajuk "*Shifā' al- 'Alīl fī Masā'il al-Qaḍā' wa al-Qadar*".

1.2 Latarbelakang Masalah

Dalam Islam, perkara keimanan terhadap qada' dan qadar memiliki kedudukan yang sangat penting, kerana ianya merupakan salah satu dari rukun iman yang enam. Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abū Dāwūd, hadith sahabat 'Umar b. Khattāb r.a dalam persoalan Jibrīl a.s kepada Rasulullah s.a.w mengenai iman, Rasulullah s.a.w bersabda:

أَنَّ تُوْمَنَ بِاللّٰهِ، وَمَلَائِكَتِهِ، وَكُتُبِهِ، وَرُسُلِهِ، وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَتُوْمَنَ بِالْقَدَرِ خَيْرٌ وَشَرٌّ. قَالَ: صَدَقْتَ.

Yang bermaksud: “Engkau beriman kepada Allāh, para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, Rasul-rasul-Nya, dan juga engkau beriman kepada qadar; baik dan buruk-nya”. Kemudian Jibrīl menjawab, “Engkau benar (Wahai Muḥammad).”¹

Jika dikaji lebih mendalam, maka kita akan mendapati lebih banyak lagi ayat al-Qur’an mahupun hadith Rasulullah s.a.w yang menjelaskan tentang kewajipan seorang muslim beriman kepada qada’ dan qadar. Orang yang menolak untuk beriman kepada perkara ini atau salah dalam memahaminya, maka dia akan mengalami kesusahan hidup dan mendapatkan azab di dunia mahupun di akhirat kelak. Tidak akan sempurna iman seseorang apabila tidak mengimani qada’ dan qadar.²

Pada hakikatnya, perkara iman kepada qada dan qadar adalah perkara akidah (keyakinan) yang tidak boleh dianggap persoalan kecil dalam kehidupan umat Islam. Ia adalah perkara yang semula jadi (fitri). Bahkan bangsa Arab di zaman jahiliyah dan sehingga ke hari ini tidak menafikan keyakinan terhadap qadar, sepertimana yang dikemukakan oleh seorang ahli bahasa Arab, Aḥmad b. Yaḥya Tha’lab:

“Satu perkara yang tidak boleh diabaikan bahawa bangsa Arab, sama ada yang hidup di zaman jahiliyah maupun di zaman Islam, mereka meyakini wujudnya qadar (takdir).”³

Di samping itu, dalam menjalankan kehidupan beragama, umat Islam sangat memerlukan motivasi ilahiyah yang berupa keyakinan, salah satu unsur dari keyakinan tersebut adalah keyakinan terhadap qada’ dan qadar. Oleh itu, tahap keimanan terhadap qada’ dan qadar beserta tahap kefahamannya sama ada disadari atau tidak mempengaruhi cara berfikir dan bertingkah laku seorang muslim. Malahan, secara langsung ia akan memberi kesan kepada pembangunan modal insan.⁴

¹ Abū Dāwūd, Sulaymān b. Ash’ath (t.t.), *Sunan Abī Dāwūd*, Bab *fi al-Qadar*, no hadith 4697, j. 4, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 359. Lihat juga al-‘Ashqar, ‘Umar Sulaymān ‘Abd Allāh (2005), *al-Qadā’ wa al-Qadar*, c. 13, Urdun: Dār al-Nafāes, h. 11.

² Maḥmūd Gharīb (1998), *Manhaj al-Qur’ān fi al-Qadā’ wa al-Qadar*, Kaherah: Dār al-Qur’ān li al-Turāth, h. 4.

³ Al-Ḥamad, Muḥammad b. Ibrāhīm (1416 H), *al-Imān bi al-Qadā’ wa al-Qadar*, c. 2, al-Riyād: Dār al-Waṭan, h. 8.

⁴ Syed Muḥammad Hilmi Syed Abd Rahman dan Che Zarrina Sa’ari (2008), *Kesan Kefahaman Konsep Takdir Terhadap Pembangunan Modal Insan*, Jurnal Usuluddin, Bil. 27, 2008, h. 2.

Seterusnya, perbahasan akidah dalam Islam, khususnya qada' dan qadar bukanlah perkara yang mudah untuk difahami. Pada kenyataannya, ramai di antara umat Islam yang salah dan keliru dalam memahaminya. Bahkan, ada juga yang cenderung tersesat, bergantung sepenuhnya kepada suratan takdir. Mereka mengikut ramalan bintang yang tertulis di surat khabar dan majalah. Lebih jauh, dalam urusan perkahwinan dan pelbagai urusan dunia mereka juga menggantungkan nasib mereka kepada hari dan bulan yang dianggap baik. Inilah di antara bukti nyata dari kesalahan beberapa pihak dalam memahami takdir dan tentu saja ianya bercanggahan dengan syarak.⁵

Di pihak yang lain, ada juga kalangan yang sama sekali tidak mempercayai takdir dan mendakwa bahawa semua kejayaan dalam hidupnya hanyalah kerana usaha dan kerja keras dirinya semata-mata. Pelbagai macam syubhat dan bid'ah pun bermunculan dalam kalangan umat Islam sebagai kesan dari kefahaman mereka yang salah mengenai konsep qada' dan qadar yang sebenar.⁶

Untuk menghindari kekeliruan ini, maka seorang muslim harus memahaminya dengan bertumpukan kepada al-Qur'an dan hadith Rasulullah s.a.w, serta kefahaman yang sebenar dari para ulama terdahulu yang muhtabar. Pemikiran mereka telah banyak termaktub dalam buku-buku, bahkan telah diberi penjelasan dari para ulama dan penulis muslim pada masa kini.

Apabila kita melihat sejenak ke belakang, maka kita akan mendapati bahawa Nabi Muḥammad s.a.w ketika diutus sebagai Rasulullah, maka beliau adalah yang menjadi tumpuan bagi setiap orang. Beliau adalah yang menjelaskan semua permasalahan yang muncul dan dipersoalkan oleh para sahabat dan kaum muslimin lainnya. Setelah beliau meninggal dunia, maka para sahabat menggantikan tempat beliau dalam memahami dan mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an beserta hadith, dalam rangka mencari solusi atas

⁵ Al-Waṣīfī, Abū 'Abd al-Raḥmān 'Alī b. Sayyid (2002), *al-Qāḍā' wa al-Qadar 'Inda al-Salaf*, Iskandariyah: Dār al-Īmān, h. 6.

⁶ *Ibid*,

permasalahan hidup umat Islam, apatah lagi wilayah kekuasaan umat Islam semakin meluas.

Sebagai rujukan bagi kaum muslimin yang membutuhkan jawapan dari suatu perkara keagamaan, maka para sahabat tidak tergesa-gesa dalam mengambil keputusan untuk menjawab persoalan-persoalan agama tersebut, tetapi mereka mengikut cara (*manhaj*) yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w.⁷ Setelah generasi para sahabat, muncullah generasi para tabi'in, mereka adalah orang yang tidak pernah berjumpa langsung dengan Rasulullah s.a.w, mereka hanya bergaul dengan para sahabat, walaupun begitu, mereka menjadi orang-orang terbaik yang mengikut jejak Rasulullah s.a.w dan para sahabat beliau dalam memahami ajaran agama Islam.⁸

Kemudian muncullah fitnah di antara umat Islam, mereka mula meninggalkan tradisi para sahabat dan tabi'in, dan lebih suka mengikut tradisi orang di luar Islam. Cara berfikir orang-orang Yunani, India dan Persia menjadi suatu kewajipan untuk mereka pelajari dan ikuti, sehingga pada akhirnya muncul kecenderungan untuk mengingkari takdir, seperti yang berlaku di Damshik dan Syiria.⁹ Kecenderungan yang salah dalam memahami masalah qada' dan qadar dalam pemikiran umat Islam ini, turut pula diungkapkan Ibn al-Qayyim dalam mukaddimah kitab *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qadā' wa al-Qadar*, berikut:

“Dalam permasalahan qada' dan qadar, majoriti kaum menempuh jalan yang sukar, dan mereka berusaha mengetahui dan memahami hakikatnya. Pelbagai umat, dahulu dan sekarang telah membincangkan perkara ini. Dalam pada itu muncul pelbagai kumpulan.¹⁰ Setiap kumpulan telah berpegang teguh pada pendapatnya dengan tidak mengakui kebenaran pendapat orang lain. Petunjuk telah tertutup bagi mereka. Kekufuran yang mereka yakini telah menjauhkan mereka dari petunjuk dan sekali-kali mereka tidak akan sampai kepada petunjuk.”¹¹

⁷ Al-Mahmūd, 'Abd al-Rahmān b. Šālīh (1997), *al-Qadā' wa al-Qadar fī Daw' al-Kitāb wa al-Sunnah wa Madhāhib al-Nās fīhi*, c. 2, al-Riyād: Dār al-Waṭan, h. 154-156.

⁸ *Ibid*,

⁹ Al-Ḥamad, (1416 H), *al-Īmān bi al-Qadā' wa al-Qadar*, h. 10.

¹⁰ Di antara kumpulan yang disinggung oleh Ibn al-Qayyim dalam kitab *Shifā'* ialah: kumpulan Qadariyah dan lawannya, iaitu kumpulan Jabariyah. Lihat Ibn al-Qayyim, Shams al-Dīn Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. Abū Bakr b. Ayyūb b. Sa'īd al-Zur'ī (t.t.), *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qadā' wa al-Qadar wa al-Ḥikmah wa al-Ta'līl* (Taṣḥīḥ) al-Na'sānī, Muḥammad Badr al-Dīn Abū Farās, Beirut: Dār al-Ma'rīfah, h. 3-4. Seterusnya dinamai *Shifā'*.

¹¹ *Ibid*, h. 2.

Tentu saja, Allāh SWT tidak membiarkan umat Islam terjerumus kepada kesesatan yang mengarah kepada penodaan dan penistaan terhadap ajaran Islam. Justeru, keimanan dan ketakwaan para ulama semakin menguat dan kenyataan tersebut bahkan lebih menyokong semangat mereka untuk berjuang di jalan dakwah, untuk meluruskan kembali kefahaman yang salah terhadap ajaran Islam, termasuk dalam masalah keimanan terhadap qada' dan qadar.

Di antara para ulama yang berjuang dalam meluruskan fahaman yang salah serta kekeliruan sebahagian orang terhadap konsep qada' dan qadar tersebut adalah Ibn al-Qayyim. Beliau menulis sebuah buku yang bertajuk *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qadā' wa al-Qadar wa al-Hikmah wa al-Ta'līl*. Buku ini membahaskan secara mendalam tentang perkara qada' dan qadar serta meluruskan fahaman yang salah mengenainya. Buku ini sangat bernas, kerana perbahasan yang ada di dalamnya membuktikan kecerdasan dan kualiti keimanan, serta ketakwaan beliau terhadap Allāh SWT.

Oleh itu, maka kajian tentang beberapa isu asas berkaitan qada' dan qadar menurut Ibn al-Qayyim di dalam buku *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qadā' wa al-Qadar wa al-Hikmah wa al-Ta'līl* perlu dilakukan, sehingga dengan wujudnya kajian ini, diharapkan umat Islam lebih mudah dalam memahami hakikat qada' dan qadar serta dapat menjadi solusi bagi meluruskan kefahaman yang salah berkaitan dengan permasalahan qada' dan qadar yang hingga ke hari ini masih sering menjadi polemik dan kontroversi.

1.3 Permasalahan Kajian

Berdasarkan latarbelakang masalah di atas, maka permasalahan atau persoalan pokok yang mesti diselesaikan dalam kajian ini ialah:

1. Bagaimana pandangan Ibn al-Qayyim tentang persoalan *ihtijāj* manusia terhadap takdir Allāh?

2. Bagaimana pendapat beliau tentang persoalan penetapan takdir bahagia dan sengsara sebelum penciptaan manusia?
3. Bagaimana pandangan Ibn al-Qayyim tentang persoalan petunjuk (*al-Hudā*) dan kesesatan (*al-Ḍalāl*) yang berlaku pada manusia?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini memiliki beberapa objektif kajian, iaitu:

1. Mengkaji pandangan Ibn al-Qayyim tentang persoalan *iḥtijāj* manusia terhadap takdir Allāh dalam kitabnya *Shifā' al-'Alīl*.
2. Mengenal pasti pendapat beliau tentang persoalan penetapan takdir bahagia dan sengsara sebelum penciptaan manusia dalam kitabnya *Shifā' al-'Alīl*.
3. Meneliti pandangan Ibn al-Qayyim tentang persoalan petunjuk (*al-Hudā*) dan kesesatan (*al-Ḍalāl*) yang berlaku pada manusia dalam kitabnya *Shifā' al-'Alīl*.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini memiliki beberapa kepentingan atau manfaat, di antaranya:

1. Kajian ini memberikan gambaran jelas tentang kedalaman dan keluasan ilmu Ibn al-Qayyim dalam membahaskan beberapa isu asas berkaitan dengan qada' dan qadar.
2. Kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat bagi umat Islam bagaimana memahami isu-isu asas berkenaan dengan qada' dan qadar dengan baik dan benar sesuai tuntutan agama Islam.
3. Kajian ini diharapkan dapat menjadi solusi bagi meluruskan kefahaman yang salah berkaitan dengan beberapa isu asas dalam qada' dan qadar.
4. Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan sumbangan bagi khazanah keilmuan khususnya dalam bidang akidah dan pemikiran Islam.

1.6 Skop Kajian

Untuk lebih menjimat masa dan tercapai matlamat dalam menjalankan penyelidikan, kajian ini dihadkan kepada huraian deskriptif dan analisis berkenaan dengan beberapa isu asas berkaitan qada' dan qadar dalam pemikiran Ibn al-Qayyim melalui karya beliau yang bertajuk *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qadā' wa al-Qadar* bermula dari muka surat 1 sehingga muka surat 108 yang meliputi perbincangan mengenai persoalan *ih̥tijāj* manusia terhadap takdir Allāh, penetapan takdir bahagia dan sengsara sebelum penciptaan manusia serta persoalan petunjuk (*al-Hudā*) dan kesesatan (*al-Ḍalāl*) yang berlaku pada manusia.

1.7 Definisi Tajuk

Tajuk disertasi ini ialah: “***Beberapa Isu Pilihan Berkaitan Qada' dan Qadar Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah: Kajian Kitab Shifā' al-'Alīl***”

Agar tajuk kajian ini dapat difahami dengan jelas, maka beberapa istilah berkenaan dengan tajuk perlu dihuraikan.

Isu: Perkataan ini termasuk perkataan derivasi atau perkataan yang berasal dari bahasa Inggrīs, iaitu *issue* yang mempunyai erti: sesuatu perkara (persoalan) yang dibicarakan atau ditulis, baik untuk didiskusikan mahupun sekadar untuk diketahui.¹² Sedangkan dalam kamus bahasa Melayu Nusantara perkataan isu mengandungi makna: masalah yang ditimbulkan untuk ditanggapi dan dibincangkan; perkara pokok; atau pun persoalan.¹³ Manakala isu-isu pilihan dalam tajuk berkenaan diertikan sebagai beberapa perkara (persoalan) yang dikira penting dan dipilih untuk dibincangkan dalam disertasi ini.

¹² Manser, Martin H. (1991), *Oxford Learner's Pocket Dictionary*, New York: Oxford University Press, h. 224.

¹³ Mahmud bin Haji Bakyr et al. (2003), *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, Brunei Darusalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1031.

Qada' dan Qadar: Qada' ialah hukum; peraturan Allāh. Manakala qadar bermaksud sesuatu perkara yang telah ditentukan Allāh akan berlaku kepada makhluk-Nya sebelum makhluk itu dijadikan; ketentuan Allāh; takdir.¹⁴

Ibn Qayyim al-Jawziyyah: Tokoh ulama pembaharuan dalam permasalahan agama pada abad kedelapan Hijriyah yang memiliki banyak karya dalam beberapa bidang kajian dalam agama Islam dan murid kepada Ibn Taymiyyah.¹⁵

Kajian: Kegiatan (usaha; proses) mengkaji tentang sesuatu isu (institusi, orang dan lain sebagainya) berdasarkan data, maklumat terperinci yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu.¹⁶

Kitab *Shifā' al-'Alīl*: Ialah salah satu karya daripada Ibn al-Qayyim dalam bidang akidah yang secara khusus membahaskan mengenai qada', qadar, hikmah dan rahsia di sebalik penciptaan Allāh serta isu-isu asas yang berkenaan dengan itu.

Daripada huraian definisi tajuk di atas dapat disimpulkan bahawa kajian ini memfokuskan perbahasan mengenai beberapa isu (persoalan) yang dipilih penulis berkaitan qada' dan qadar, menurut pandangan Ibn al-Qayyim dalam karyanya yang bertajuk *Shifā' al-'Alīl*.

1.8 Kajian Literatur

Berdasarkan tinjauan kajian literatur yang dibuat dengan merujuk kepada penulisan-penulisan yang ada, penulis mendapati terdapat banyak kajian ilmiah dan penulisan yang berhubung dengan konsep qada' dan qadar serta isu-isu yang dibahaskan di dalamnya. Walau bagaimanapun, kajian mengenai pemikiran Ibn al-Qayyim tentang isu-isu berkenaan dengan qada' dan qadar secara khusus, utamanya dalam kajian kitab terhadap karya beliau yang bertajuk *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qadā' wa al-Qadar* belum didapati.

¹⁴ *Ibid*, h. 2184.

¹⁵ Zainal Abidin Zulcify et al. (2005), *Ensiklopedia Dunia*, j. 9, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 17.

¹⁶ Noresah bt. Baharom et al. (2005), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 657.

Kajian-kajian mengenai pemikiran Ibn al-Qayyim juga banyak terdapat di dalam kajian penulis terdahulu. Sungguh pun terdapat penulisan yang berkaitan dengan pemikiran Ibn al-Qayyim, namun kajian-kajian yang secara khusus menyentuh pemikiran beliau dalam masalah qada' dan qadar tidak pula didapati. Di antara kajian dan penulisan yang berkenaan dengan qada' dan qadar ialah:

Disertasi sarjana yang ditulis oleh Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman¹⁷ yang bertajuk "*Konsep Qada' dan Qadar di dalam Islam: Satu kajian Tentang Kefahaman Orang Melayu di Bandar Kuantan*". Kajian ini memfokuskan perbincangan mengenai konsep beriman kepada qada' dan qadar, aliran pemikiran mengenainya, permasalahan sekitar qada' dan qadar serta kesan beriman kepadanya. Konsep keimanan terhadap qada' dan qadar serta permasalahan yang ada di dalamnya turut pula dibincangkan oleh Umami Najibah bt. Tanuri¹⁸ dalam kajian ilmiah yang bertajuk "*Keimanan Terhadap Qada' dan Qadar Sebagai Terapi Kesihatan Mental*", begitu juga yang ditulis oleh Zainun bt Ibrahim¹⁹ dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk "*Konsep Qada' dan Qadar Menurut Islam Sejauh Mana Kesesuaiannya dalam Penghayatan Masyarakat Melayu di Daerah Kuala Terengganu*" serta yang ditulis oleh Imaniah bt Ishaq²⁰ dalam disertasi sarjana yang bertajuk "*Kajian Tentang Kefahaman Terhadap Qada' dan Qadar Di Kalangan Saudara Baru Di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur*".

Kajian terbaru yang juga berkaitan dengan masalah qada' dan qadar ialah disertasi sarjana yang ditulis oleh Mohd Hamidi Ismail²¹ yang bertajuk "*Af'āl Allāh Menurut al-Jurjānī (m.816H-1413H): Kajian dan Terjemahan Teks Terpilih dari Sharḥ*

¹⁷ Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman (2001), *Konsep Qada' dan Qadar di dalam Islam: Satu Kajian Tentang Kefahaman Orang Melayu di Bandar Kuantan*, Disertasi Sarjana Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

¹⁸ Umami Najibah bt. Tanuri (2008), *Keimanan Terhadap Qada' dan Qadar Sebagai Terapi Kesihatan Mental*, Latihan Ilmiah Sarjana Muda (B.A) Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Pengajian Usuludin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

¹⁹ Zainun bt Ibrahim (1994), *Konsep Qada dan Qadar Menurut Islam Sejauh Mana Kesesuaiannya dalam Penghayatan Masyarakat Melayu di Daerah Kuala Terengganu*, Latihan Ilmiah Sarjana Muda (B.A) Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Pengajian Usuludin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

²⁰ Imaniah bt Ishaq (2008), *Kajian Tentang Kefahaman Terhadap Qada' dan Qadar di Kalangan Saudara Baru di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur*, Disertasi Sarjana Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

²¹ Mohd Hamidi Ismail (2011), *Af'āl Allāh Menurut al-Jurjānī (m.816H-1413H): Kajian dan Terjemahan Teks Terpilih dari Sharḥ al-Mawāqif*, Disertasi Sarjana Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

al-Mawāqif'. Kajian ini menfokuskan perbahasan mengenai konsep *af'āl Allāh* dalam pemikiran al-Jurjānī yang berkaitan dengan konsep *al-Kasb* serta perbandingan antara *Kasb* Ashā'irah dengan *Kasb* al-Jurjānī, serta isu-isu utama dalam *af'āl Allāh* menurut beliau, seperti: isu *al-ḥusn* dan *al-qubḥ*, Allah *al-Murīd*, serta isu-isu Qada' dan Qadar yang menguasai *af'āl 'ibād*, seperti: petunjuk, ajal, rezeki, serta isu mengenai kemampuan hamba dalam menghadapi qadar.

Kajian lainnya ialah disertasi sarjana yang dikemukakan oleh 'Abd al-Raḥmān b. Ṣālīḥ al-Maḥmūd²² di Pengajian Usuludin, Jabatan Akidah dan Madhhab Mu'āṣarah di al-Riyāḍ, dan telah dicetak dalam bentuk buku yang bertajuk "*al-Qadā' wa al-Qadar fī Daw' al-Kitāb wa al-Sunnah wa Madhāhib al-Nās fīhi*". Kajian ini membincangkan mengenai metode seorang muslim dalam mempelajari akidah Islam, larangan berdebat mengenai masalah takdir serta kedudukan qada' dan qadar dalam akidah Islam. Seterusnya, kajian ini memfokuskan perbahasan mengenai sejarah perbincangan qada' dan qadar dari aliran dan agama terdahulu hingga ke zaman Rasulullah s.a.w, sahabat, tabi'in serta salaf saleh dan terakhir perdebatan pelbagai mazhab mengenai qada' dan qadar berikut dalil yang mendasari pendapat mereka.

Sejarah perbincangan mengenai qada' dan qadar ini turut pula dibincangkan oleh 'Ismā'il Muḥammad al-Qarnī²³ dalam bukunya yang bertajuk "*al-Qadā' wa al-Qadar 'Inda al-Muslimīn; Dirāsah wa Tahlīl*" disertai huraian penulis mengenai pandangan beberapa kumpulan daripada kaum muslimin seperti: Jabariyah, Qadariyah, Mu'tazilah, Shī'ah, Ash'ariyah dan Māturīdīyah mengenai qadar.

Kajian lainnya ialah tesis Ph.D yang dihasilkan oleh Fārūq Aḥmad al-Dasūqī²⁴ yang juga telah dicetak menjadi buku, sekaligus merupakan tulisan terbaik, peraih penghargaan Mālik Fayṣal dalam *Dirāsah al-Islāmiyyah* (kajian keislaman) tahun 1985, yang bertajuk "*al-Qadā' wa al-Qadar fī al-Islām*". Buku yang berjumlah 3 jilid ini

²² Al-Maḥmūd (1997), *al-Qadā' wa al-Qadar*.

²³ Al-Qarnī, 'Ismā'il Muḥammad (2006), *al-Qadā' wa al-Qadar 'Inda al-Muslimīn; Dirāsah wa Tahlīl*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

²⁴ Al-Dasūqī, Fārūq Aḥmad (1996), *al-Qadā' wa al-Qadar fī al-Islām*, Kaheerah: Dār al-I'tisām.

menfokuskan perbahasan mengenai qada' dan qadar menurut al-Qur'an, sunnah, ulama salaf, ulama kalam dan para failasuf Islam.

Seterusnya, terdapat tajuk buku "*al-Qadā' wa al-Qadar 'Inda al-Salaf*" yang dikarang oleh Abū 'Abd al-Raḥmān 'Alī b. al-Sayyid al-Waṣīfī,²⁵ membincangkan mengenai hubungan qada' dan qadar dengan tawhid *rubūbiyyah* (ketuhanan) dan keimanan. Buku ini juga menjelaskan keyakinan faham Qadariyah dan Jabariyah dalam masalah takdir, serta jawapan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah terhadap mereka. Manakala dalam buku yang bertajuk "*al-Īmān bi al-Qadā' wa al-Qadar*" Muḥammad b. Ibrāhīm al-Ḥamad²⁶ secara khusus membincangkan mengenai beberapa macam syubhat dan permasalahan lain yang muncul di sekitar qada' dan qadar, serta beberapa kesalahan dan penyimpangan dalam kefahaman keduanya.

Buku lain yang juga turut menyentuh permasalahan qada' dan qadar ialah "*Aṣl al-Insān wa Sirr al-Wujūd*" yang ditulis oleh Bāsimah Kayyāl.²⁷ Buku ini menghuraikan secara luas mengenai hakikat *irādah* (kehendak), perdebatan antara keterpaksaan (*al-Taysīr*) dan kebebasan bertindak (*al-Takhyīr*), serta keselarasan antara *al-Taysīr* dan *al-Takhyīr*. Perbahasan yang sama berkenaan dengan konsep *irādah*, *al-Taysīr* dan *al-Takhyīr* serta perdebatan antara keduanya turut pula dibincangkan oleh Muṣṭafā Ṣabrī²⁸ dalam bukunya yang bertajuk "*Mawqif al-Bashar Taḥta Sultān al-Qadar*" dan Muḥammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī²⁹ dalam bukunya yang bertajuk "*al-Insān Musayyar am Mukhayyar*".

Perbahasan mengenai qada' dan qadar turut pula dihuraikan oleh 'Umar Sulaymān 'Abd Allāh al-'Ashqar,³⁰ dalam bukunya yang bertajuk "*al-Qadā' wa al-Qadar*". Buku ini memfokuskan perbahasan mengenai hakikat keimanan kepada qada' dan qadar, rukun-rukun iman kepada keduanya, peringkat penetapan takdir, serta

²⁵ Al-Waṣīfī (2002), *al-Qadā' wa al-Qadar 'Inda al-Salaf*.

²⁶ Al-Ḥamad (1416 H), *al-Īmān bi al-Qadā' wa al-Qadar*.

²⁷ Kayyāl, Bāsimah (1983), *Aṣl al-Insān wa Sirr al-Wujūd*, Beirut: Dār al-Maktabah al-Hilāl.

²⁸ Ṣabrī, Muṣṭafā (1352 H), *Mawqif al-Bashar Taḥta Sultān al-Qadar*, Kaheerah: al-Maṭba'ah al-Salafīyyah.

²⁹ Al-Būṭī, Muḥammad Sa'īd Ramaḍān (2004), *al-Insān Musayyar am Mukhayyar*, Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir.

³⁰ Al-'Ashqar (2005), *al-Qadā' wa al-Qadar*.

pandangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah mengenai takdir, begitu juga dengan pendapat Ibn Taymiyyah. Di samping itu, buku ini juga menghuraikan secara ringkas akidah al-Ajarī dan akidah Ṭahāwiyyah dalam masalah takdir serta kesan terhadap qada' dan qadar dalam kehidupan manusia.

Tajuk buku lainnya yang juga membincangkan mengenai qada' dan qadar serta permasalahan yang terdapat di dalamnya ialah “*Takdir*” yang ditulis oleh Yūsuf Qaraḍāwī,³¹ “*al-Qaḍā' wa al-Qadar Bayn al-Falsafah wa al-Dīn*” oleh ‘Abd al-Karīm Khatīb,³² “*Manhaj al-Qur’ān fī al-Qaḍā' wa al-Qadar*” oleh Maḥmūd Gharīb.³³

Selain itu, terdapat artikel terbitan Jurnal Usuluddin, bil 27, tahun 2008, yang berkaitan dengan tajuk pengkaji iaitu “*Kesan Kefahaman Konsep Takdir Terhadap Pembangunan Modal Insan*”, yang ditulis oleh Syed Hilmi Syed Abdul Rahman dan Che Zarrina Sa’ari.³⁴ Artikel ini membincangkan mengenai kesan beriman terhadap qada' dan qadar kepada modal insan, serta permasalahan sekitar qada' dan qadar.

Adapun kajian terdahulu yang telah dihasilkan berkenaan dengan pemikiran Ibn al-Qayyim yang berkaitan dalam bidang akidah, dapat disenaraikan sebagai berikut, di antaranya ialah:

Disertasi sarjana yang ditulis oleh Mohd Takiyuddin Hj Ibrahim³⁵ yang bertajuk “*Konsep Tawhid dan Sifat-sifat Allāh Menurut Ibn al-Qayyim*”. Kajian ini memfokuskan perbincangan berkenaan dengan sumber dan manhaj akidah Islamiyah menurut Ibn al-Qayyim. Kajian ini juga secara detil dan menyeluruh membahaskan konsep tawhid dan sifat-sifat Allāh menurut Ibn al-Qayyim.

Begitu pula dengan kajian yang ditulis oleh ‘Iwaḍ Allāh Jād Ḥijāzī³⁶ dalam bukunya yang bertajuk “*Ibn Qayyim wa Mawqifuh Min al-Taḥkīm al-Islāmī*”. Selain membahaskan mengenai biografi Ibn al-Qayyim, buku ini juga menganalisis aspek

³¹ Qaraḍāwī, Yūsuf (2002), *Takdir*, ‘Abduh Zulfidar Akaha (terj.), Jakarta: Pustaka al-Kautsar.

³² Al-Khatīb, ‘Abd al-Karīm (1979), *al-Qaḍā' wa al-Qadar Bayn al-Falsafah wa al-Dīn*, t.t.p.: Dār al-Fikr al-‘Arabī.

³³ Maḥmūd Gharīb (1998), *Manhaj al-Qur’ān fī al-Qaḍā' wa al-Qadar*.

³⁴ Syed Muhammad Hilmi Syed ‘Abdul Rahman dan Che Zarrina Sa’ari (2008), *Kesan Kefahaman Konsep Takdir*.

³⁵ Mohd Takiyuddin Hj. Ibrahim (1999), *Konsep Tawhid dan Sifat-sifat Allāh Menurut Ibn al-Qayyim*, Disertasi Sarjana Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Usuludin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

³⁶ Ḥijāzī, ‘Iwaḍ Allāh Jād (1972), *Ibn Qayyim wa Mawqifuh Min al-Taḥkīm al-Islāmī*, Kaḥerah: Majma‘ al-Buhūth al-Islāmiyyah.

akidah dalam karya-karya beliau, pandangan-pandangan beliau dalam masalah akidah, serta metodologi yang digunakan beliau dalam perbincangan akidah.

Pemikiran Ibn al-Qayyim lainnya turut juga dituliskan oleh Abdul Khalid³⁷ dalam jurnal Paramadina, bilangan 7 tahun 2006 dengan tajuk “*Pemikiran Teologi Ibn Qayyim al-Jauziyyah; Analisis Penafsiran Ibn Qayyim Terhadap Ayat-ayat al-Qur’an Terkait Masalah Teologi*”. Artikel ini memfokuskan perbincangan pemikiran teologi Ibn al-Qayyim berkenaan dengan ayat-ayat al-Qur’an. Dalam kajian ini penulis membincangkan mengenai pemikiran Ibn al-Qayyim dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Qur’an yang berkaitan dengan sifat-sifat Allāh, kekuasaan dan kehendak mutlak dan keadilan-Nya, takdir dan kebebasan manusia, dan lain sebagainya daripada perbincangan mengenai teologi.

Di samping itu, terdapat buku yang dikarang oleh ‘Abd al-‘Azīm ‘Abd al-Salām Sharf al-Dīn,³⁸ yang bertajuk “*Ibn al-Qayyim: ‘Aṣruḥ wa Manhajuh wa Arā’uh fī al-Fiqh wa al-‘Aqā’id wa al-Tasawwuf*”, buku ini secara detil membahaskan tentang biografi Ibn al-Qayyim, metodologi dan juga pemikiran beliau dalam bidang kajian fiqh, akidah dan tasawuf.

Kesimpulannya, didapati bahawa seluruh kajian yang telah dibuat mengenai konsep qada’ dan qadar serta isu-isu asas yang dibahaskan di dalamnya hanya membincangkan persoalan qada’ dan qadar secara umum sahaja tanpa menumpukan perbincangan qada’ dan qadar kepada pemikiran tokoh tertentu ataupun kajian terhadap kitab tertentu. Oleh yang demikian, penulis akan menumpukan kajian ini kepada yang lebih khusus dan terarah iaitu perbincangan mengenai beberapa isu asas berkaitan qada’ dan qadar menurut Ibn al-Qayyim, kajian kitab *Shifā’ al-‘Alīl fī Masā’il al-Qaḍā’ wa al-Qadar*.

³⁷ Abdul Khalid (2006), *Pemikiran Teologi Ibnu Qayyim al-Jauziyyah; Analisis Penafsiran Ibnu Qayyim Terhadap Ayat-ayat al-Qur’an Terkait Masalah Teologi*, Jurnal Paramadina, Bil. 3, Julai 2006.

³⁸ Sharf al-Dīn, ‘Abd al-‘Azīm ‘Abd al-Salām (1984), *Ibn al-Qayyim: ‘Aṣruḥ wa Manhajuh wa Arā’uh fī al-Fiqh wa al-‘Aqā’id wa al-Tasawwuf*, c. 3, Kuwait: Dār al-‘Ilm.

1.9 Metodologi Kajian

Metodologi dalam suatu kajian memiliki peranan yang sangat penting, kerana ia merupakan cara kerja untuk memahami objek sasaran penelitian³⁹ dan menjadi alat ukur serta pembatas bagi pengkaji agar tidak terpesong dari fokus, objektif, dan matlamat kajian. Oleh yang demikian, metodologi kajian yang sesuai dan efektif amat penting artinya supaya pengkaji dapat merealisasikan objektif yang telah ditetapkan bagi sesuatu kajian.

Menurut Koenjaraningrat, metodologi ilmiah ialah usaha manusia untuk mendapatkan ilmu pengetahuan tentang fenomena alam dan masyarakat bersumberkan penelitian yang rapi serta berdisiplin menurut sistem dan cara-cara tertentu.⁴⁰

Sehubungan itu, penulis akan menggunakan beberapa metode kajian untuk mendapatkan hasil kajian yang terbaik. Metodologi kajian yang digunakan oleh penulis adalah:

1.9.1 Metode Penentuan Subjek

Metode yang dimaksudkan ialah kumpulan atau benda yang hendak dikaji dan diselidiki.⁴¹ Metode penentuan subjek yang dimaksudkan di sini ialah bagaimana cara sesuatu perkara yang hendak dikaji itu ditentukan. Merujuk pada disertasi ini, penulis akan menggunakan metode penentuan subjek iaitu dengan memfokuskan kajian kepada kitab karangan Ibn al-Qayyim yang bertajuk “*Shifā’ al-‘Alīl fī Masā’il al-Qadā’ wa al-Qadar*” dan juga kitab-kitab yang berhubung kait dengan tajuk qada’ dan qadar.

1.9.2 Metodologi Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data dan maklumat digunakan untuk mengumpulkan bahan-bahan dan maklumat-maklumat yang berkaitan kajian ini. Terdapat dua bentuk kaedah

³⁹ Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-KIP, h. 51

⁴⁰ Koenjaraningrat (1990), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama, h. 12.

⁴¹ Kenneth D Bailey (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*, (terj.) Hashim Awang, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 121.

penyelidikan dalam kajian ini iaitu penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Dalam usaha mengumpul data yang diperlukan, dalam kajian ini penulis menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan menggunakan bentuk penyelidikan utama iaitu kaedah dokumentasi dan penyelidikan perpustakaan.

1.9.2.1 Kaedah Dokumentasi dan Penyelidikan Perpustakaan

Melalui metode ini, pencarian maklumat banyak bertumpu kepada perpustakaan. Metode ini merupakan kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan bahan-bahan bacaan, data-data, dan maklumat-maklumat melalui bahan bercetak seperti buku-buku ilmiah, latihan-latihan ilmiah (tesis), kertas-kertas kerja, jurnal-jurnal, ensiklopedia, dan lain-lain bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dalam usaha untuk mengumpul data yang terbaik dan memenuhi kehendak serta mendapatkan maklumat yang berautoriti, tepat, dan bersesuaian dengan objektif kajian, pengkaji akan menggunakan kaedah ini di beberapa perpustakaan.

Antara perpustakaan utama yang dijadikan tempat pencarian bahan oleh penulis, Di antaranya: Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Internasional Islamic Universiti Malaysia, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam – UM, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan STAIN Bengkulu Indonesia.

1.9.3 Metodologi Analisis Data

Dalam menganalisis data yang didapati penulis dalam kajian ini, penulis berpandukan pada beberapa metode berikut ini:

1.9.3.1 Metode Induktif

Metode induktif merupakan cara atau kaedah untuk menarik kesimpulan dari beberapa data yang dianalisis yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum.⁴² Metode ini diaplikasikan untuk menjelaskan sesuatu perkara dengan gambaran yang menyeluruh. Pengkaji akan menganalisis data-data umum dalam fakta yang diperoleh daripada sumber-sumber berbentuk penulisan.

1.9.3.2 Metode Deduktif

Metode deduktif merupakan cara membuat kesimpulan dari bukti yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus.⁴³ Melalui metode ini, penulis akan menggunakan teori yang berkaitan dengan tema kajian iaitu pemikiran Ibn al-Qayyim mengenai isu-isu asas yang berkaitan dengan qada' dan qadar, sehingga dengannya diperoleh gambaran yang lebih jelas tentang masalah yang dikaji.

1.10 Sistematika Penulisan

Kajian ini mengandungi lima bab utama yang disusun berdasarkan penyelidikan yang telah ditetapkan.

Terlebih dahulu dalam bab pertama, pengkaji akan menghuraikan latarbelakang dan permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi tajuk, kajian literatur, metodologi kajian, sistematika penulisan dan diakhiri dengan kesimpulan.

Bab kedua bertumpu kepada riwayat hidup pengarang buku yang menjadi subjek kajian ini iaitu Ibn al-Qayyim dan pengenalan terhadap kitab *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qadā' wa al-Qadar* yang mengandungi nama dan edisi kitab, tujuan penulisan kitab,

⁴² Sutrisno Hadi (2004), *Metodologi Research*, j. 1, Yogyakarta: Penerbit Andi, h. 47.

⁴³ *Ibid*, h. 41.

penyusunan dan kandungan kitab, metodologi penulisan kitab serta beberapa pemerhatian mengenai metodologi dan kandungan kitab.

Bab ketiga dan keempat adalah bab yang paling penting, melalui bab inilah penulis akan membentangkan hasil kajiannya terhadap kitab *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qadā wa al-Qadar*. Di sini penulis akan menyingkap pemikiran Ibn al-Qayyim mengenai beberapa isu asas berkaitan dengan qada' dan qadar.

Pada bab ketiga, pembaca akan didedahkan kepada perbincangan mengenai pandangan Ibn al-Qayyim mengenai persoalan *ihtijāj* manusia terhadap takdir Allāh dan penentuan takdir bahagia dan sengsara sebelum penciptaan mereka. Di samping itu, dalam bab ini pula, penulis menghuraikan mengenai takrif qada' dan qadar, kaitan di antara keduanya serta peringkat penetapan takdir.

Menerusi bab keempat, penulis akan memfokuskan perbincangan mengenai pandangan Ibn al-Qayyim tentang persoalan *al-Hudā* (petunjuk) dan *al-Ḍalāl* (kesesatan) yang berlaku pada manusia. Di sini penulis akan menghuraikan tentang takrif *al-Hudā* dan *al-Ḍalāl*, serta pandangan Ibn al-Qayyim berkaitan dengan *al-Hudā* dan *al-Ḍalāl*.

Akhir sekali dalam bab kelima penulis akan membuat rumusan terhadap pemikiran Ibn al-Qayyim, riwayat hidup dan kandungan kitabnya. Beberapa ulasan pandangan, dan saranan dari penulis turut disentuh dalam bab ini.

Secara ringkasnya kajian ini akan memberikan penekanan secara khusus terhadap pemikiran Ibn al-Qayyim mengenai beberapa isu asas dalam perbincangan qada' dan qadar, melalui karya beliau yang bertajuk *Shifā' al-'Alīl fī Masā'il al-Qadā wa al-Qadar*.